



07 DEC, 2021

## Program rintis Sandbox Lebuhraya Pintar, inovasi penyelenggaraan lebuhraya

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

## Program rintis Sandbox Lebuhraya Pintar, inovasi penyelenggaraan lebuhraya

**KUALALUMPUR:** Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar dilancarkan semalam menyediakan medium inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan bagi urusan penyelenggaraan lebuhraya PLUS di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata selain itu program berkenaan adalah sebuah inisiatif untuk mempercepat pendekatan inovatif dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan lebuhraya

menerusi penggunaan teknologi.

“Kerjasama strategik ini wujud untuk memastikan PLUS selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan penggunaan teknologi berketepatan tinggi dan efisien dalam pengurusan penyelenggaraan lebuhraya di Malaysia,” katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran program berkenaan di Persada PLUS, di Petaling Jaya, semalam.

Program berkenaan merupa-

kan inisiatif oleh Plus Malaysia Berhad (PLUS) bersama-sama Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) sebagai sekretariat utama mewakili Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS).

Beliau berkata lebuhraya pintar akan berkonsepkan gabungan pelbagai peranti Internet Benda (IoT) untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan keselamatan pemandu serta pejalan kaki dan penggunaan tenaga bersih untuk menggalakkan keles-

tarian.

Sempena pelancaran itu, satu Memorandum persefahaman (MoU) antara PLUS dan MaGIC iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dimeterai dengan disaksikan Dr Adham.

Pada majlis sama Ketua Pegawai Operasi PLUS Datuk Zakaria Ahmad Zabidi memberi taklimat mengenai perancangan ‘Lima Tahun Teknologi Pintar’ program berkenaan bagi merealisasikan kerjasama tersebut. — Bernama



**TINJAU:** Dr. Adham (kanan) melawat bilik kawalan lalu lintas bersama Zakaria (kiri) selepas Majlis Pelancaran Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar kerjasama antara Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (INTIS) dan Plus Malaysia Berhad di Persada Plus, Kuala Lumpur. — Gambar Bernama



07 DEC, 2021

## Program rintis Sandbox Lebuhraya Pintar, inovasi penyelenggaraan lebuhraya

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar dilancarkan semalam menyediakan medium inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan bagi urusan penyelenggaraan lebuhraya PLUS di seluruh negara. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata selain itu program berkenaan adalah sebuah inisiatif untuk mempercepatkan pendekatan inovatif dalam menjalankan kerja penyelenggaraan lebuhraya

menerusi penggunaan teknologi. "Kerjasama strategik ini wujud untuk memastikan PLUS selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4).